



Manuscript Title: Tembikar Dapur Masak Tradisional (Tuku) di Kampung Mambong, Kelantan:

Sejarah, Tradisi Pembuatan dan Cabaran

Author(s): Suresh Narayanan & Nasha Rodziadi Khaw

Accepted Date: 13-April-2021

Please cite this article as: Suresh Narayanan and Nasha Rodziadi Khaw. 2021. Tembikar Dapur Masak Tradisional (Tuku) di Kampung Mambong, Kelantan: Sejarah, Tradisi Pembuatan dan Cabaran. *Kajian Malaysia* (early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

TEMBIKAR DAPUR MASAK TRADISIONAL (TUKU) DI KAMPUNG MAMBONG, KELANTAN: SEJARAH, TRADISI PEMBUATAN DAN CABARAN

TRADITIONAL EARTHENWARE COOKING STOVE (TUKU) AT KAMPUNG MAMBONG, KELANTAN: HISTORY, MANUFACTURING TRADITION AND CHALLENGES

Suresh Narayane n* dan Nasha Rodziadi Khaw

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA

*Corresponding author: sureshnarayanan@usm.my

ABSTRACT

Kampung Mambong in Kuala Krai, Kelantan was the only place in Peninsular Malaysia that had been involved in the making of traditional earthenware cooking stove. However, its history and manufacturing perspectives have never been studied in detail in prior studies. The present study was conducted to unravel the history, manufacturing tradition and challenges faced by the potters at Kampung Mambong in preserving the production of earthenware cooking stove. This study was carried out using qualitative method involving ethnography fieldwork and a library survey. The findings of the study showed that the production of traditional earthenware cooking stove or locally known as Tuku was inherited by Che Bunga and her ancestors at Kampung Mambong since the 1850s. Like other potteries at Kampung Mambong, Tuku is made using the traditional methods without incorporating the modern techniques. In the 1930s, however, the manufacturing of Tuku began to dwindle, and its entire production halted in the end of 1940s. The lack of experts and interest among the younger generations to learn and continue the making of Tuku are two main reasons why the production diminished in the 1930s and 1940s. Apart from that, the invasion of Japanese military in Sungai Galas in early 1940s had indirectly caused the production to be ceased. Overall, this study has successfully contributed new insights into the history, manufacturing tradition and factors that causes extinction to the production of Tuku at Kampung Mambong in late 1940s.

Therefore, essential proactive steps need to be taken to revive the manufacturing of Tuku because it is one of the unique heritage crafts of the Malay potters in Sungai Galas, Kelantan.

Keywords: traditional earthenware cooking stove, history, manufacturing tradition, challenges, Mambong

ABSTRAK

Kampung Mambong di Kuala Krai, Kelantan merupakan satu-satunya kawasan di Semenanjung Malaysia yang pernah terlibat dalam perusahaan tembikar dapur masak tradisional. Namun sejarah dan tradisi pembuatan tembikar ini tidak pernah dikaji secara mendalam melalui kajian-kajian lalu. Kajian ini dijalankan untuk menelusuri sejarah dan tradisi pembuatan tembikar dapur masak tradisional serta masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pembuat tembikar di Kampung Mambong dalam melestarikan perusahaan tersebut. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kerja lapangan etnografi dan tinjauan kepustakaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa perusahaan tembikar dapur masak tradisional atau lebih dikenali dalam panggilan tempatan iaitu Tuku telah diwarisi oleh keluarga Che Bunga di Kampung Mambong sejak tahun 1850-an lagi. Sama seperti tembikar Mambong yang lain, Tuku dibuat menggunakan kaedah tradisional tanpa melibatkan teknik moden. Pada tahun 1930-an perusahaan Tuku mula menunjukkan kemerosotan dan produksinya terhenti sepenuhnya pada akhir tahun 1940-an. Dua faktor utama yang membawa kepada kemerosotan ini adalah kekurangan pakar membuat Tuku dan ketiadaan minat dalam kalangan pewaris muda untuk mempelajari dan meneruskan perusahaan Tuku. Selain itu, pencerobohan tentera Jepun di Sungai Galas pada awal tahun 1940-an secara tidak langsung menyumbang kepada kemelesetan perusahaan Tuku. Pada keseluruhannya, kajian ini berjaya menyingkap sejarah perusahaan Tuku, tradisi pembuatan serta faktor-faktor yang membawa kepada kepupusan Tuku di Kampung Mambong pada akhir tahun 1940-an. Oleh itu, langkah-langkah proaktif yang sewajarnya harus diambil bagi menghidupkan semula perusahaan Tuku kerana ia merupakan salah satu warisan kraf unik bagi pembuat tembikar Melayu di Sungai Galas, Kelantan.

Kata kunci: tembikar dapur masak tradisional, sejarah, tradisi pembuatan, cabaran, Mambong

PENGENALAN

Tembikar merupakan salah satu seni kerja tangan manusia yang dihasilkan melalui campuran empat unsur kehidupan iaitu tanah, air, udara dan api. Bukti arkeologi dan rekod sejarah mengabsahkan bahawa teknologi pembuatan tembikar tanah telah bermula sejak zaman prasejarah lagi. Pada ketika itu, tradisi tembikar yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat sama ada pada peringkat lokal atau global adalah berbeza mengikut budaya dan keperluan mereka. Dalam konteks Malaysia, tembikar tanah mula dicipta dan digunakan pada zaman Neolitik iaitu kira-kira 3,000 hingga 4,000 tahun yang dahulu (Williams-Hunt 1952; Peacock 1959; Dunn 1966; Harrisson 1967, 1971; Adi 1985, 2007; Bellwood 1988, 1989; Nik Hassan Shuhaimi, Kamaruzaman dan Yusof 1990; Daten 1993; Chia 1997, 2003, 2007a, 2007b, 2016; Zolkurnian 1998; Zuraina, Ang dan Jaffrie 1998; Leong 2003; Chia dan Daten 2003; Chia dan Zolkurnian 2005; Chia, Arif dan Matsumura 2005; Goh et al. 2019). Pada era tersebut, tembikar digunakan bagi tujuan-tujuan seperti memasak, menyimpan air dan ritual (pengebumian). Tembikar Neolitik yang dijumpai di Tanah Melayu didapati memiliki ciri-ciri morfologi yang unik dan teknologi pembuatannya hampir sama dengan tembikar yang dibuat di kebanyakan kawasan di rantau Asia Tenggara (Suresh 2017).


Seni pembuatan tembikar berasaskan teknologi primitif masih berterusan hingga ke hari ini dan ia boleh diperhatikan dalam industri tembikar kampung di beberapa buah negeri khususnya di bahagian utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia (Ibrahim dan Sahaimi 2005; Salwa 2009; Suresh 2017, 2018). Industri tembikar kampung ini diusahakan secara turun-temurun dan kecil-kecilan oleh masyarakat Melayu terutamanya golongan wanita yang berusia antara 50 hingga 70 tahun (Suresh 2017, 2018). Pada hari ini, bilangan pembuat tembikar tradisional sudah berkurangan dan kajian baharu menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima pembuat tembikar di Kelantan dan seorang di Perak dan Pahang (Suresh 2017).

Sehingga tahun 2019, Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang aktif dalam perusahaan tembikar tradisional manakala pembuatan tembikar tradisional di Perak dan Pahang sudah mula menunjukkan kemerosotan. Pelbagai faktor telah dikenal pasti menjadi punca kepada fenomena ini dan isu ini pernah dibahas oleh pengkaji-pengkaji seperti Ibrahim dan Sahaimi (2005), Azmi (2015), Azmi, Luthfi dan Tarmiji (2010) dan Suresh (2018). Kajian ini secara khususnya memberi perhatian kepada sejarah, tradisi pembuatan dan cabaran yang dihadapi dalam perusahaan tembikar dapur masak tradisional atau Tuku di Kelantan.

Rekod etnografi menunjukkan bahawa perusahaan tembikar tradisional di Kelantan telah wujud sejak lebih 150 tahun yang lalu di Kampung Mambong iaitu sebuah perkampungan Melayu terletak dalam Jajahan Kuala Krai (Suresh dan Chia 2016, 2017; Suresh 2017, 2018, 2019). Secara geografi, negeri Kelantan meliputi kawasan seluas 15,100 kilometer persegi dan terbahagi kepada 10 daerah atau jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok, Tanah Merah, Pasir Puteh, Kuala Krai, Machang, Gua Musang dan Jeli (Salleh 2016). Berdasarkan data unjuran populasi penduduk 2015 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negeri Kelantan mempunyai 1,718,000 penduduk yang mana majoritinya adalah etnik Melayu beragama Islam diikuti oleh etnik Cina, Orang Asli, India dan lain-lain (Department of Information, Ministry of Communications and Multimedia Malaysia 2015).

Kampung Mambong dalam Jajahan Kuala Krai terletak di pesisir Sungai Galas dan perjalanan ke kampung ini mengambil masa kira-kira 45 minit dengan menaiki bot dari Tangga Krai atau *Bradley Steps* berhampiran dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Krai (Rajah 1). Tangga Krai ini menjadi pengkalan bagi perahu dan kapal sungai berulang-alik antara bandar Kuala Krai dan kawasan-kawasan kampung di sepanjang Sungai Galas dan Sungai Lebir, di samping menjadi tempat menyukat paras air Sungai Kelantan ketika musim hujan. Jeti yang mempunyai papan tanda ‘Tembikar Sri Jelapang (K.Krai)’, bertentangan dengan Kampung Bahagia, merupakan lokasi perusahaan tembikar Mambong.

Banjir besar yang melanda Gua Musang dan Kuala Krai pada akhir tahun 2014 telah menenggelami sebahagian besar jeti di Sungai Galas dan Sungai Lebir manakala bengkel tembikar di Kampung Mambong turut mengalami kerosakan teruk. Banjir tahun 2014 dikatakan telah mengatasi rekod banjir yang berlaku pada tahun 1926-1927 apabila seluruh bandar Kuala Krai dinaiki air sehingga ke paras 34.17 meter (bacaan dari tangga krai) (Salleh 2016, 43). Pada tahun 2019, perusahaan tembikar tradisional di Kampung Mambong mula bergiat aktif semula selepas mendapat insentif kewangan daripada beberapa agensi dan jabatan di bawah kerajaan negeri Kelantan untuk kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih bengkel tembikar serta menyediakan kemudahan asas bagi pelancong seperti pembinaan anak tangga, bangku duduk dan tandas.



Rajah 1: Lokasi Kampung Mambong di Sungai Galas, Kuala Krai, Kelantan

KAJIAN-KAJIAN AWAL TENTANG TEMBIKAR TRADISIONAL DI KELANTAN DAN PERMASALAHANNYA

Secara relatifnya, kajian tentang tembikar tradisional di Kelantan kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji awal berbanding tembikar tradisional di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Hal ini mungkin disebabkan oleh lokasi Kampung Mambong yang terletak agak terpencil dan jauh dari kawasan bandar. Sehingga hari ini, kampung ini tidak mempunyai jalan raya yang berhubung dengan tanah besar Kuala Krai dan hanya boleh diakses melalui jalan sungai (Sungai Galas) menggunakan bot tambang.

Salah satu rekod terawal tentang pembuatan tembikar di Kampung Mambong adalah dokumentasi yang dirakamkan oleh Ghazali Haji Yusoff antara tahun 1970-an-1980-an. Seterusnya, Syed Ahmad Jamal (1992) dan Yeoh (1994) merupakan dua sarjana terlibat dalam penulisan awal tentang tradisi tembikar Mambong pada tahun 1990-an. Kajian yang lebih sistematik dan informatif tentang tembikar tradisional di Kampung Mambong dimuatkan dalam buku terbitan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bertajuk ‘Tembikar Tradisional’ (Ibrahim dan Sahaimi 2005). Buku ini bukan sahaja memperihalkan sejarah pembuatan tembikar di Kelantan tetapi memaparkan keunikan seni kraf tembikar yang dihasilkan oleh pelbagai kumpulan etnik di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Pengisian buku ini yang terdiri daripada naratif yang mudah difahami serta foto dan ilustrasi tembikar telah memberi gambaran jelas kepada pembaca tentang kepelbagaiannya budaya tembikar yang diamalkan di Malaysia. Tahun 2000-an memperlihatkan kemunculan kajian-kajian teoretikal yang berimpak tinggi daripada sudut akademik dan kesarjanaan. Dua kajian utama yang menilai sejarah dan perkembangan perusahaan tembikar tradisional di Kampung Mambong adalah tesis kedoktoran Tajul Shuhaimi (2007) dan Suresh (2017). Kajian Tajul Shuhaimi (2007) menjurus kepada estetika tradisi tembikar dan salasilah keturunan pembuat tembikar di Kampung Mambong manakala kajian Suresh (2017) bertumpu pada hubungan budaya antara tembikar tradisional dan tembikar prasejarah di Kelantan dan Malaysia dari perspektif etnoarkeologi.

Selain dokumentasi awal dan kajian berbentuk tesis, informasi tentang tembikar tradisional dan moden di Kampung Mambong juga terdapat dalam hasil penerbitan makalah dan artikel oleh Tajul Shuhaimi, Harozila dan Fauzi (2011), Enoch (2012), Ab. Aziz Shuaib dan Enoch (2013), Hamdzun dan Narimah (2013), Ab. Aziz Shuaib et al. (2014), Siti Mariam (2015), Gani et al. (2015), Ahmad dan Mohamed (2016), Muhamad Hazwan Bakhri (2017), dan Suresh (2019). Maklumat dalam bentuk fotografi dan rakaman video tentang proses membuat tembikar Mambong turut didapati dalam laman sesawang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan laman perkongsian video sosial seperti

youtube, facebook, twitter dan paparan blog oleh pendidik, penyelidik dan pelancong yang berkunjung ke Kampung Mambong. Akhbar-akhbar tempatan seperti *Harian Metro* (2014) dan *Utusan Borneo* (2014) turut melaporkan tentang aktiviti pembuatan tembikar tradisional di Kampung Mambong. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ilmiah, liputan akhbar dan media massa telah memberi nafas baharu kepada perusahaan tembikar Mambong untuk dikenali ramai dan terus berkembang maju serta membantu memartabatkan sejarah, seni dan warisan tembikar Melayu di Kelantan secara khasnya dan Malaysia secara amnya.

Perlu diakui dan dijelaskan di sini bahawa kajian-kajian awal telah menyumbang data dan maklumat yang signifikan tentang teknologi, jenis dan fungsi tembikar tradisional yang dibuat di Kampung Mambong. Namun tanpa disedari kajian-kajian awal ini telah mengabaikan perbincangan tentang Tuku iaitu tembikar dapur tradisional yang digunakan untuk memasak di Kelantan suatu ketika dahulu. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekurangan maklumat dan ilmu lisan dalam kalangan pembuat tembikar Mambong itu sendiri kerana perusahaan Tuku dipercayai telah pupus sejak 70 tahun yang lalu. Justeru, ketiadaan maklumat yang sahih dan kukuh menyebabkan pemahaman tentang sejarah pembuatan dan penggunaan serta faktor-faktor yang membawa kepada kepupusan Tuku menjadi tidak jelas dan dangkal. Maka, adalah penting untuk menjalankan satu kajian komprehensif bagi mendapatkan data dan maklumat tentang sejarah, tradisi pembuatan dan cabaran yang dihadapi oleh pembuat tembikar dalam melestarikan perusahaan Tuku di Kampung Mambong.

Metodologi kajian ini berpegang kepada pendekatan kualitatif yang merangkumi kaedah tinjauan kepustakaan dan kaedah etnografi. Tinjauan kepustakaan telah dijalankan untuk mendapatkan bahan bacaan yang berkait dengan penyelidikan supaya ia menjadi panduan kepada perjalanan kajian serta membantu dalam penyediaan dan penulisan makalah ini. Kaedah etnografi pula meliputi kerja lapangan survei, komunikasi peribadi dan pemerhatian yang dijalankan di sepanjang Sungai Galas yang terletak kawasan kajian iaitu Kampung Mambong. Antara persoalan yang ingin dijawab melalui kajian ini adalah (i) bila Tuku mula diperkenalkan, (ii) siapa yang terlibat dalam pembuatan Tuku, (iii) apa kaedah dan peralatan digunakan dalam pembuatan Tuku, (iv) sejauh mana penggunaannya popular dalam masyarakat awal dan (v) bila dan kenapa perusahaan Tuku terhenti. Diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang data baharu dan pada masa yang sama memperkayakan kefahaman rakyat Malaysia tentang sejarah, warisan dan tradisi pembuatan tembikar Mambong khususnya Tuku di Kuala Krai, Kelantan.

SEJARAH PERUSAHAAN TUKU DI KAMPUNG MAMBONG

Sebenarnya menjadi satu cabaran besar untuk membahaskan tentang sejarah kemunculan, perkembangan dan kemerosotan perusahaan Tuku di Kelantan kerana sumber bertulisnya agak sedikit atau hampir tiada. Satu-satunya catatan ringkas tentang Tuku boleh didapati di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (PMNK), Kota Bharu. Berdasarkan catatan tersebut Tuku pernah digunakan oleh masyarakat Kelantan sebagai dapur untuk memasak sekitar tahun 1920-an. Tuku dibuat dalam pelbagai saiz dan menggunakan arang atau kayu api sebagai bahan bakar. Dalam koleksi PMNK terdapat dua spesimen Tuku iaitu tembikar dapur masak bersaiz besar dan tembikar dapur masak bersaiz kecil. Menurut sumber dari PMNK kedua-dua spesimen tersebut telah diperoleh melalui pembelian daripada Encik Yaacob Haji Osman pada tahun 1983. Maklumat lain berkenaan sejarah asal-usul Tuku di PMNK tidak diketahui. Menurut kajian terkini oleh Suresh (2019), berdasarkan pada motif corak, spesimen Tuku di PMNK mungkin merupakan hasil produk dari Kampung Mambong, namun ia masih belum disahkan secara saintifik lagi. Tajul Shuhaimi (2007, 313) melalui kajian tesisnya pernah menyatakan bahawa nama panggilan bagi spesimen Tuku di PMNK adalah dapur tembikar Mambong kerana tembikar tersebut dibuat daripada bahan tanah liat dari Kampung Mambong.

Meskipun kekurangan maklumat tentang Tuku, tinjauan etnografi yang dijalankan oleh pasukan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM pada tahun 2014 mendapati tembikar dapur masak tradisional pernah dibuat di Kampung Mambong pada tahun 1930-an dan 1940-an (Suresh 2017). Walaupun tiada kajian susulan atau penulisan ilmiah diterbitkan berkenaan Tuku, kajian tahun 2014 itu telah memberi gambaran awal, idea serta bukti kewujudan perusahaan Tuku di Sungai Galas. Secara amnya, sejarah dan tradisi pembuatan tembikar tradisional di Sungai Galas boleh dijejaki hingga ke tahun 1850-an berdasarkan data susur galur keluarga pembuat tembikar di Kampung Mambong (Suresh 2017). Terdapat juga dakwaan bahawa tradisi ini telah muncul lebih awal dan mempunyai perkaitan budaya dengan populasi masyarakat kuno yang pernah menghuni kawasan Gua Musang dan Sungai Nenggeri di Ulu Kelantan suatu ketika dahulu (Suresh 2017). Hal ini terbukti melalui penemuan tembikar tanah yang banyak dari tapak-tapak arkeologi di sekitar lembangan Sungai Nenggeri yang mencerminkan ciri-ciri tipologi dan teknologi yang hampir sama dengan tembikar Mambong (Suresh 2017). Penyebaran budaya tembikar ini dipercayai berlaku menerusi proses perdagangan dan pertukaran antara masyarakat di kawasan pedalaman dan pesisir pantai serta penghijrahan manusia awal khususnya kumpulan pembuat tembikar dari satu kawasan ke kawasan yang lain atas faktor-faktor kelangsungan kehidupan mereka yang bergantung kepada persekitaran alam semula jadi yang seimbang dan produktif. Walaupun identiti masyarakat awal ini sukar untuk dikenal pasti, namun teknologi tembikar yang

dicipta dan digunakan oleh mereka beribu-ribu tahun dahulu telah dipelajari dan diwarisi oleh masyarakat Melayu, dan diteruskan hingga ke hari ini.

Perusahaan Tuku di Kampung Mambong lebih berkonsepkan industri kampung yang dijalankan secara kecil-kecilan untuk kegunaan sendiri atau dijual sesama keluarga terdekat atau penduduk kampung bagi menjana pendapatan sampingan. Oleh kerana ia dijalankan dalam skala yang kecil maka penglibatan masyarakat tempatan dalam perusahaan ini juga mencatatkan bilangan yang sedikit sejak dari dulu lagi. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh Tajul Shuaizam (2007, 84) mendapati antara tahun 2005 dan 2006 terdapat kira-kira 10 rumah di Kampung Mambong terlibat dalam pembuatan tembikar tradisional. Namun pada tahun 2014 hanya tinggal empat buah rumah terlibat dalam perusahaan ini dengan bilangan pengusaha seramai tujuh orang (Suresh 2017). Situasi yang sama juga telah diperhatikan pada awal tahun 1900 dan sebelumnya apabila hanya dua atau tiga keluarga secara konsisten terlibat dalam perusahaan tembikar tradisional di Kampung Mambong (Suresh 2017). Kerja lapangan yang dibuat oleh penulis pada tahun 2019 mendapati terdapat sejumlah lima pengusaha tembikar di Kampung Mambong (Jadual 1). Daripada jumlah ini empat adalah perempuan dan satu lelaki. Didapati hanya seorang pengusaha tembikar di Kampung Mambong mempunyai kemahiran membuat Tuku iaitu Che Bunga binti Awang.


Jadual 1: Demografi pembuat tembikar mengikut jantina dan umur di Kampung Mambong pada tahun 2019

| | Bekas pembuat tembikar | Pembuat tembikar aktif | Jumlah | % |
|----------------|------------------------|------------------------|--------|-----|
| | Bil | Bil | Bil | % |
| Jantina | | | | |
| Lelaki | - | 1 | 1 | 20 |
| Perempuan | 2 | 2 | 4 | 80 |
| Jumlah | 2 | 3 | 5 | 100 |
| Umur | | | | |
| 50-59 | - | 2 | 2 | 40 |
| 60-69 | 1 | 1 | 2 | 40 |
| 70-79 | - | - | - | - |
| 80 ke atas | 1 | - | 1 | 20 |
| Jumlah | 2 | 3 | 5 | 100 |


Che Bunga merupakan bekas pembuat tembikar dan beliau pernah melihat ibunya Mek Yah atau Aminah membuat Tuku sekitar tahun 1930-an. Pada ketika itu, Che Bunga berusia 10-12 tahun dan beliau sudah pandai membuat tembikar serta mempunyai sedikit kemahiran membuat Tuku. Mek Yah telah mempelajari cara membuat Tuku daripada ibu mertuanya iaitu Maimunah binti Puteh (Tok Bara) manakala Tok Bara pula telah mempelajari seni ini daripada ibunya iaitu Sipah

(Rajah 2). Maklumat tentang Sipah merupakan data baharu dalam susur galur pembuat tembikar di Kampung Mambong selepas kajian Tajul Shuhaimi (2007). Dalam kalangan pembuat tembikar awal di Kampung Mambong Sipah merupakan antara pengusaha yang mempunyai ilmu dan kemahiran membuat Tuku dengan baik. Beliau dipercayai telah mewarisi kemahiran tersebut daripada keluarga sebelah ibunya yang merupakan pemastautin asal Sungai Galas. Ilmu membuat Tuku kemudian telah diturunkan oleh Sipah kepada anak dan cucunya. Terdapat juga beberapa individu lain yang pandai membuat Tuku sezaman dengan Sipah tetapi Che Bunga tidak ingat nama mereka (komunikasi peribadi). Tambah Che Bunga lagi ramai keturunan keluarga individu yang mahir membuat Tuku suatu ketika dulu telah lama berpindah dari Kampung Mambong.

Menurut Che Bunga Tuku yang dibuat di Kampung Mambong lebih dikenali sebagai Tiga Tungku atau Tungku Masak dalam kalangan penduduk Sungai Galas (komunikasi peribadi). Jasadnya yang besar, berat dan teguh menjadikannya sebagai tembikar yang paling mencabar untuk dibuat. Di Kampung Mambong Tuku dibuat dalam dua saiz yang berbeza iaitu saiz besar (anggaran ukuran: 40-50 sentimeter panjang dan 20-30 sentimeter lebar) dan saiz sederhana (anggaran ukuran: 35-40 sentimeter panjang dan 15-20 sentimeter lebar). Anggaran berat Tuku adalah sekitar 3-4 kilogram, bergantung pada saiznya. Dari segi bentuk, Tuku terdiri daripada kombinasi dua bentuk iaitu bulat dan bujur dengan tiga tiang di bahagian bibir. Bahagian yang mempunyai tiga tiang adalah untuk meletak periuk dan dibuat dalam bentuk separa bulat manakala bahagian untuk letak kayu api atau arang dibuat secara memanjang dan sedikit bujur. Tiga tiang yang dipasang pada bibir tembikar berada pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan tempat untuk letak kayu api. Rajah 3a dan Rajah 3b merupakan ilustrasi lakaran yang dibuat oleh penulis berdasarkan gambaran asas yang diberikan oleh Che Bunga tentang sifat fizikal dan morfologi Tuku. Menariknya, ilustrasi ini memperlihatkan persamaan ketara dengan spesimen Tuku yang disimpan di PMNK, Kota Bharu.



Rajah 2: Susur galur Che Bunga dan keluarganya di Kampung Mambong



Rajah 3(a) Lakaran bahagian pandangan atas dan (b) pandangan sisi Tuku Mambong

Che Bunga dengan tegasnya menyatakan bahawa Tuku merupakan warisan hakiki pembuat tembikar Melayu di Kampung Mambong dan ia tidak mempunyai pengaruh asing dari kawasan luar Sungai Galas (komunikasi peribadi). Hal ini kerana selain Kampung Mambong tidak ada kawasan lain di daerah Kuala Krai terlibat dalam perusahaan tembikar tradisional. Che Bunga tidak pasti sama ada Tuku dibuat di daerah lain di Kelantan tetapi ahli keluarga beliau khususnya wanita dilatih untuk membuat tembikar sejak usia yang masih muda lagi. Di Kampung Mambong seni kemahiran membuat Tuku diturunkan kepada golongan wanita sahaja. Kendatipun begitu, menurut Che Bunga golongan lelaki juga mempunyai peranan penting dalam kegiatan pembuatan Tuku pada zaman dahulu.

Dalam tradisi tembikar Mambong tiada pantang larang yang melarang golongan lelaki untuk melibatkan diri dalam pembuatan Tuku, namun artis sebenar yang memiliki kemahiran dan kepakaran untuk mereka bentuk Tuku sehingga menjadi satu produk yang lengkap dan sempurna adalah wanita. Lazimnya, suami dan anak-anak lelaki pembuat Tuku menyumbang tenaga untuk mencari dan menumbuk tanah liat. Menurut Che Bunga pada zaman dahulu lelaki agak cerewet dalam memilih peralatan untuk menumbuk tanah liat (komunikasi peribadi). Contohnya, sekeping kotak kayu yang diperbuat daripada kayu Tualang (*Koompassia excelsa*) menjadi pilihan mereka untuk menabur dan merendam tanah liat manakala alu yang diperbuat daripada kayu keras Pulai (*Alstonia scholaris*) digunakan untuk menumbuk tanah liat. Terdapat juga alu

dalam saiz yang berbeza, bergantung kepada keperluan dan keselesaan si penumbuk tanah liat. Sebarang tugas yang memerlukan penggantian atau pengubahsuaian terhadap kotak kayu, kayu penumbuk atau peralatan lain untuk membuat Tuku diurus oleh orang lelaki. Aktiviti pengumpulan bahan bakar dan pembakaran Tuku turut dijalankan oleh orang lelaki. Menurut tradisi dalam pembuatan tembikar Mambong wanita tidak dibenarkan untuk membuat Tuku selama tiga bulan selepas tempoh bersalin (Suresh 2017).

Selama ini kekurangan sumber sejarah dan penulisan ilmiah menyebabkan persoalan bila Tuku mula diperkenalkan atau dibuat pertama kali di Kampung Mambong menjadi satu tanda tanya. Melalui kajian baharu ini didapati perusahaan Tuku telah wujud sejak tahun 1850-an iaitu kira-kira 170 tahun yang lalu atau mungkin lebih awal lagi, dan tradisi ini diwarisi khususnya oleh golongan wanita secara turun-temurun di Kampung Mambong. Berdasarkan data terkini susur galur pembuat tembikar Mambong dapat dijelaskan bahawa Sipah dan anaknya Maimunah telah terlibat dalam pembuatan Tuku dari tahun 1850 hingga 1900, dan kemudian disambung oleh Mek Yah (menantu Maimunah) sehingga 1930. Che Bunga pula membantu menjalankan kerja-kerja mudah seperti menguli tanah liat dan mengukir corak pada Tuku kerana usianya yang begitu muda pada ketika itu. Walau bagaimanapun, beliau telah mempelajari seni membuat Tuku dan meneruskan perusahaan tersebut sehingga akhir tahun 1940. Ketika tinjauan survei di Kampung Mambong pada tahun 2019 demonstrasi membuat Tuku tidak direkodkan disebabkan oleh usia Che Bunga yang sudah tua dan masalah kesihatan yang kurang baik. Sesungguhpun begitu, beliau telah memberikan gambaran lengkap tentang bentuk dan motif hiasan yang digunakan pada Tuku. Maklumat lain berkaitan tentang tradisi pembuatan Tuku yang melibatkan beberapa kaedah tradisional dan peralatan, serta faktor-faktor yang membawa kepada kemerostan perusahaan Tuku juga telah dibincang ketika tinjauan survei.

TRADISI PEMBUATAN DAN PENGGUNAAN TUKU DI KAMPUNG MAMBONG

Seni kraftangan Tuku merupakan satu tradisi yang unik di Malaysia kerana tradisi ini tidak dijumpai di negeri-negeri Melayu lain kecuali di Semporna, Sabah yang mana tembikar dapur masak tradisional atau *Lapohan* diusahakan secara turun-temurun oleh masyarakat Bajau Darat (Suresh 2011, 2014, 2017). Seperti yang dijelaskan oleh Ibrahim dan Sahaimi (2005) setiap tembikar mengikut negeri mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan berkait rapat dengan adat resam dan kepercayaan tempatan. Biarpun begitu, jika dilihat dengan teliti kaedah pembuatan dan ragam hias Tuku di Kelantan tidaklah begitu berbeza dengan tembikar tradisional yang dibuat oleh masyarakat Melayu di Perak dan Pahang.

Seperti yang dijelaskan oleh Azmi, Luthfi dan Tarmiji (2010, 140) kegiatan membuat tembikar di sesuatu kawasan amat dipengaruhi oleh kualiti tanah liat yang merupakan bahan asas dalam pembuatan tembikar. Bagi pengusaha Tuku adalah menjadi satu kebiasaan bagi mereka untuk menggunakan tanah liat yang diambil dari kawasan dusun atau bekas ladang getah di Kampung Bahagia, terletak bertentangan dengan Kampung Mambong di seberang Sungai Galas. Jarak lokasi penemuan tanah liat ini selari dengan ideologi pakar etnografi tembikar di Asia Tenggara yang mendakwa kumpulan pembuat tembikar tradisional hanya bergerak dalam lingkungan tujuh kilometer untuk mendapatkan sumber bahan mentah seperti tanah liat dan pasir (Karina 1990). Analisis komposisi kimia yang dijalankan oleh Suresh (2017) terhadap tanah liat dari Kampung Bahagia sebelum ini mendapati ia secara semula jadi kaya dengan kaolin iaitu sejenis mineral lempung yang amat sesuai untuk membuat tembikar. Selain tanah liat, pasir juga merupakan salah satu intipati penting dicampur bersama tanah liat dalam pembuatan Tuku. Pasir diambil dari tebing Sungai Galas dan dicampurkan dalam kuantiti yang sedikit supaya permukaan tembikar mempunyai kesan kilauan atau keemasan berbintik-bintik selepas dibakar. Kajian saintifik yang dijalankan oleh Tajul Shuhaimi (2007) dan Suresh (2017) ke atas sampel pasir dari Sungai Galas mendapati kehadiran mineral muskovit iaitu salah satu mineral umum dalam famili mika dan ini seterusnya membawa kepada kesan kilauan emas pada permukaan tembikar Mambong. Kesan kilauan ini menjadi satu elemen unik yang membezakan tembikar Mambong dengan tembikar Melayu lain di Semenanjung Malaysia.

Kaedah pembuatan Tuku adalah sama dengan tembikar tradisional lain yang dibuat di Kampung Mambong. Akan tetapi proses pembentukan Tuku dikatakan lebih kompleks dan memakan masa yang lama. Tambahan pula, bahan asas iaitu tanah liat untuk membuat Tuku juga diperlukan dalam jumlah yang banyak. Dari segi teknologi, Tuku masih berpegang kepada cara buatan tradisional dan tidak melibatkan teknik moden. Tiga teknik utama yang digunakan adalah teknik cubit dan picit, teknik lingkaran dan teknik cantuman. Teknik cubit dan picit adalah teknik paling asas dan terawal digunakan dalam pembuatan tembikar tradisional Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia. Teknik ini menggunakan kaedah pengolahan melalui tangan untuk mendapatkan bentuk tembikar yang dihendaki. Sebagai langkah pertama, dalam pembuatan Tuku, bahagian dasar dibentuk terlebih dahulu. Dasar dibuat dalam bentuk bujur, rata dan mempunyai ketebalan 3 hingga 5 sentimeter. Seterusnya teknik lingkaran digunakan untuk membina dinding sehingga mencapai bentuk seperti sebuah besen memanjang. Kemudian salah satu bahagian hujung dimodifikasi dengan menambah ketinggiannya menggunakan teknik lingkaran. Bahagian yang dimodifikasi ini mempunyai bentuk struktur separa bulat serta tiga tiang dipasang di bahagian bibirnya

menggunakan teknik cantuman. Tiang ini berfungsi untuk menyokong periuk atau belangga yang diletakkan di atas Tuku ketika memasak.

Terdapat beberapa peralatan digunakan untuk membuat Tuku, misalnya alat-alat tradisional yang digunakan secara turun-temurun seperti kayu pemukul (*Pengatok*), batu sungai/pebel (*Batu Luru*), gelang besi (*Besi Kokok*), cebisan kain (*Kain Mengin*) dan alat buluh bersisi tajam (*Bilah Pengalih*). Dari segi ragam hias, Tuku dihiasi dengan beberapa jenis corak dan kebanyakannya memaparkan unsur-unsur alam dan persekitaran tempatan seperti bulan sabit, pucuk rebung, garis beralun dan berputus-putus, bulatan, titik-titik kecil dan simbol V dan X (Suresh 2019). Corak-corak ini dibuat pada bahagian bibir, tiang dan badan Tuku menggunakan alat seperti *Bilah Pematik* dan *Buluh Matik*. *Bilah Pematik* merupakan alat buluh yang mempunyai mata tepi bergerigi dan digunakan untuk membuat corak pucuk rebung manakala *Buluk Matik* pula merupakan cebisan rotan nipis yang dibengkok rapat dan digunakan untuk membuat corak bulan sabit (Suresh 2017). Majoriti motif hiasan yang dibuat pada Tuku adalah sama dengan corak tradisional yang dijumpai pada tembikar Labu Sayong di Perak dan Terenang di Pahang.

Pembakaran Tuku turut dijalankan menggunakan cara primitif iaitu kaedah terbuka. Menurut Che Bunga proses pengeringan dan pembakaran Tuku memerlukan pengawasan rapi dan harus dikendalikan secara berhati-hati (komunikasi peribadi). Pengeringan Tuku boleh mengambil masa antara 3 hingga 4 minggu bergantung kepada keadaan cuaca. Proses ini dilakukan di kawasan teduh sama ada disimpan di dalam pondok ataupun rumah. Pada zaman dahulu Tuku yang masih lembab disusun di atas rak buluh yang dibina di atas dapur ataupun tempat masak. Proses penyalaian tembikar secara perlahan seperti ini dikatakan lebih sesuai dan selamat berbanding pengeringan terus di bawah cahaya matahari. Ketika proses pengeringan, setiap penjuru Tuku diikat secara bersilang menggunakan kain supaya dindingnya tidak runtuh. Cara ini sama dengan kaedah yang digunakan oleh pengusaha tembikar Bajau Darat di Semporna, Sabah yang mana *Lapohan* yang masih lembab diikat dengan kain (Suresh 2011). Jangka masa pembakaran Tuku adalah sekitar dua ke tiga jam dan ia bergantung pada jumlah Tuku yang dibakar pada satu-satu masa. Bahan bakar yang sesuai digunakan adalah pecahan buluh dan pelepah pokok kelapa yang sudah kering. Tidak seperti tembikar Mambong yang lain, damar atau getah jantung pisang jarang digunakan pada permukaan atau dasar Tuku selepas dibakar.

Dengan melihat pada bentuk sahaja boleh difahami fungsi Tuku yang amat sesuai digunakan sebagai dapur masak, misalnya untuk memasak air, menanak nasi dan menyediakan gulai dalam belanga. Sama seperti *Lapohan* Bajau, Tuku juga digunakan untuk memanggang daging dan menyalai ikan (Suresh 2011). Di

Kelantan, Tuku merupakan tembikar yang sangat penting pada zaman dahulu khususnya bagi masyarakat yang menetap di kawasan pedalaman kerana mereka tidak suka menggunakan periuk besi atau dapur bata untuk memasak. Di Sungai Galas, makanan yang dimasak menggunakan kayu api dan arang dikatakan mempunyai aroma tersendiri yang disukai oleh masyarakat kampung. Penggunaan Tuku tidak terbatas di Sungai Galas sahaja tetapi turut tersebar hingga ke daerah-daerah lain seperti Tumpat dan Kota Bharu. Menurut kajian Suresh (2017) antara tahun 1900-1940 seorang pedagang dari Kota Bharu yang dikenali sebagai Tok Che Yah berakit ke Sungai Galas untuk mendapatkan tembikar buatan Mambong. Jika ada lebihan tembikar dijual atau ditukar dengan barang lain seperti beras menggunakan sistem barter sesama penduduk Sungai Galas. Walau bagaimanapun, keadaan ini berubah pada tahun 1930-an dan 1940-an apabila perusahaan Tuku berhadapan dengan beberapa masalah untuk terus bertahan di Kampung Mambong.

MASALAH DAN CABARAN DALAM PERUSAHAAN TUKU

Kajian ini mendapati Tuku masih dalam produksi antara tahun 1900-an hingga 1920-an di Kampung Mambong. Rekod dari PMNK turut mengesahkan bahawa tembikar dapur masak tradisional masih digunakan serta mempunyai fungsi dan kepentingan dalam kehidupan harian masyarakat Kelantan pada tahun 1920-an. Namun beberapa peristiwa yang berlaku pada tahun 1930-an dan 1940-an menyebabkan penghasilan dan pengeluaran Tuku di Kampung Mambong menjadi perlahan dan seterusnya lenyap pada akhir tahun 1940-an.

Terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada kemerosotan perusahaan Tuku. Pertama, bilangan pengusaha tembikar yang mahir membuat Tuku menjadi terlalu sedikit pada tahun 1930. Hal ini kerana banjir besar yang berlaku pada tahun 1926-1927 atau lebih dikenali sebagai Bah Air Merah di Kelantan telah memberi impak besar terhadap kesinambungan perusahaan tembikar khususnya Tuku di Kampung Mambong. Insiden banjir ini bukan sahaja memaksa penduduk Sungai Galas untuk berpindah ke kawasan lain tetapi hasil tanaman, ternakan dan produk kraftangan, bengkel serta peralatan membuat tembikar turut mengalami kerosakan. Menurut sejarah hampir 80% negeri Kelantan ditenggelami oleh air ketika banjir tahun 1926-1927 (Gullick 1994; Namri 2019). Di Kuala Krai dilaporkan kawasan seluas 800 kilometer persegi telah tenggelam ketika banjir tahun tersebut (Noor Syamimi, Azharudin Mohamed dan Mohamad Rodzi 2014). Perusahaan pembuatan tembikar di Kampung Mambong juga dikatakan terhenti untuk beberapa tahun selepas peristiwa banjir tersebut. Keluarga Che Bunga merupakan antara penduduk asal yang balik semula ke Kampung Mambong pada tahun 1927 apabila air sungai surut ke tahap yang normal. Pada ketika itu dua pengusaha tembikar yang terlibat dalam perusahaan Tuku adalah Maimunah dan Mek Yah, dan kedua-dua mereka telah bersara atau berhenti membuat tembikar

pada pertengahan tahun 1930-an. Maimunah mengambil keputusan untuk berhenti membuat tembikar kerana keuzuran manakala Mek Yah pula mempunyai masalah kesihatan. Pembuat tembikar lain di Kampung Mambong pada ketika itu adalah Halijah dan Jaliah, dan mereka tidak pandai membuat Tuku. Keadaan ini menyebabkan ilmu membuat Tuku tidak dapat diturunkan kepada generasi pelapis yang muncul terkemudian. Satu-satunya pewaris yang meneruskan pembuatan Tuku pada tahun 1940-an adalah Che Bunga tetapi beliau membuat Tuku untuk memenuhi keperluan keluarga dan penduduk di Kampung Mambong sahaja. Maka, boleh dikatakan pada tahun akhir tahun 1930-an dan awal 1940-an pengeluaran tembikar dapur masak sudah berkurangan dan tidak lagi dijual kepada penduduk di luar kawasan Sungai Galas. Keadaan ini seterusnya telah membawa kepada kepupusan perusahaan Tuku pada akhir tahun 1940-an.

Faktor kedua yang menyebabkan pembuatan Tuku tidak dapat maju dan kekal lama adalah disebabkan oleh sikap pewaris muda yang menceburি perusahaan tembikar tradisional di Kampung Mambong pada tahun 1940-an dan 1950-an, misalnya adik-beradik dan sepupu Che Bunga iaitu Che Som, Che Bidah, Bunga Embun dan Zainab Mat Ali tidak menunjukkan minat untuk mempelajari seni membuat Tuku walaupun Che Bunga pernah mengambil usaha untuk mengajar mereka. Hal ini kerana proses pembuatan Tuku adalah lambat dan memakan masa yang lama. Selain itu, Tuku juga merupakan tembikar paling rumit untuk dibuat dan memerlukan tanah liat yang banyak. Bahan mentah, masa dan tenaga untuk membuat sebiji Tuku memerlukan keupayaan dua kali lebih tinggi daripada tembikar jenis periuk dan belanga. Jadi pengusaha tembikar yang muncul pada tahun 1940-an dan 1950-an hanya memberi perhatian kepada penciptaan tembikar jenis belanga, bekas perasapan, geluk dan periuk kukusan manakala pembuatan tembikar dapur masak telah diabaikan. Ramai pengusaha tembikar yang muncul sejak tahun 1960 seperti Azizah binti Salleh, Halimah binti Che Said, Kamariah binti Che Said, Zaimah binti Mat Esa, Zainab binti Hussain dan Limah binti Konok tidak mengenali sejarah dan tradisi pembuatan Tuku yang pernah dipusatkan oleh nenek dan moyang mereka suatu ketika dahulu di Kampung Mambong.

Jika dikaji dengan teliti terdapat satu lagi faktor yang menyumbang kepada kemelesetan perusahaan Tuku di Kampung Mambong. Permintaan terhadap Tuku sama ada daripada penduduk tempatan ataupun luar Sungai Galas terjejas teruk pada zaman penjajahan Jepun iaitu antara tahun 1942 hingga 1945. Mengikut sejarah, bandar Kuala Krai menjadi benteng pertahanan terakhir pasukan tentera British sebelum mereka berundur dari Kelantan melalui pengangkutan kereta api menuju ke Kuala Lipis pada 19 Disember 1941 (Salleh 2016). Apabila tentera Jepun mula menceroboh kawasan-kawasan kampung di Kuala Krai, ramai penduduk di Sungai Galas termasuk keluarga pembuat tembikar melarikan diri ke

kawasan hutan di Kuala Gris dan Pasir Jinggi. Dari 1942 hingga 1945, perusahaan tembikar di Kampung Mambong telah dihentikan. Selepas Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, perusahaan tembikar Mambong menghadapi kesukaran untuk dibangunkan semula kerana keluarga pembuat tembikar yang mlarikan diri ke Kuala Gris dan Pasir Jinggi menetap terus di situ dan tidak pulang ke Kampung Mambong manakala ada yang meninggal dunia. Kesannya, bermula tahun 1946 perusahaan tembikar di Kampung Mambong dijalankan secara bermusim kerana kekurangan tenaga pembuat tembikar. Tembikar seperti periuk masak, bekas perasapan, belanga, geluk dan buyung dibuat dari masa ke masa mengikut permintaan manakala tembikar bersaiz besar seperti gunut beras, periuk kukusan dan Tuku dibuat apabila menerima tempahan sahaja. Pengenalan kepada periuk masak besi oleh pihak Jepun dan British ketika zaman kolonial juga telah membawa perubahan besar dalam cara masakan dan penggunaan bekas sajian makanan dalam kalangan masyarakat Kelantan. Tuku yang bersaiz besar, berat dan mudah pecah tidak lagi menjadi pilihan masyarakat berbanding tembikar lain yang masih mempunyai sedikit kepentingan daripada sudut kegunaan harian dan ritual. Sebagai contohnya, bekas perasapan, geluk atau buyung Mambong pernah digunakan dalam upacara perkahwinan dan kematian masyarakat Melayu di Sungai Galas (Tajul Shuhaimi 2007; Suresh 2017). Namun pegangan tradisi ini sudah mula dilupai dan tidak diperaktikan lagi pada hari ini. Menurut kajian Suresh (2017) tempahan bagi Tuku daripada penduduk tempatan atau penduduk luar Sungai Galas berhenti selepas 1950. Pendek kata, penjajahan Jepun di Kelantan khususnya di Sungai Galas secara tidak langsung telah memberi kesan negatif terhadap kesinambungan perusahaan Tuku di Kampung Mambong dan mula lesap daripada kehidupan masyarakatnya pada akhir tahun 1940-an.

KESIMPULAN DAN SARANAN

Tuntasnya, kajian ini membekalkan maklumat baharu dan penting bagi kefahaman masyarakat Malaysia tentang sejarah perusahaan Tuku di Kampung Mambong yang pupus kira-kira 70 tahun yang lalu. Melalui kajian ini didapati penggunaan Tuku terus kekal dalam kalangan beberapa keluarga di Kampung Mambong dan Sungai Galas sehingga tahun 1950. Namun masalah banjir yang kerap berlaku di Sungai Kelantan menyebabkan banyak koleksi tembikar lama musnah dihanyut arus. Pada hari ini, Tuku tidak digunakan lagi oleh penduduk Sungai Galas, lebih-lebih lagi tiada penduduk yang menyimpan koleksi tembikar lama termasuk keluarga pembuat tembikar Mambong sendiri. Kebanyakan tembikar lama dipercayai telah pecah atau rosak, dan sebahagiannya telah dibeli oleh pihak muzium dan kini disimpan di PMNK, Kota Bharu.

Sehingga hari ini negeri Kelantan tidak mempunyai warisan pembuatan tembikar unik sepetimana yang terdapat di negeri Perak iaitu Labu Sayong dan Terenang di Pahang. Melalui kajian ini, Tuku boleh dinobatkan sebagai tembikar unik bagi negeri Kelantan memandangkan ia menampilkan ciri-ciri tipologi dan kaedah pembuatan yang lebih kompleks berbanding dengan tembikar-tembikar lain yang dihasilkan di Kampung Mambong. Tuku juga boleh dijadikan sebagai ikon tempatan bagi Jajahan Kuala Krai dan produk warisan ketara istimewa bagi seluruh Semenanjung Malaysia memandangkan reka bentuk tembikar ini hanya ada di negeri Kelantan. Adalah sesuatu yang amat menyedihkan apabila Tuku tidak dihasilkan pada hari ini. Pewaris muda yang terlibat dalam pembuatan tembikar di Kampung Mambong harus mengambil inisiatif dan iktibar untuk mempelajari cara membuat Tuku daripada Che Bunga memandangkan beliau seorang sahaja mempunyai kemahiran tersebut. Kemahiran ini juga perlu diajar, dikongsi dan diperturunkan kepada perintis muda supaya warisan seni ini dapat dipelihara dan dilestarikan untuk penghayatan dan tatapan generasi akan datang.

Usaha untuk menyelamatkan perusahaan Tuku pada zaman kolonial adalah sesuatu yang mustahil untuk dilakukan kerana pertubuhan atau persatuan untuk memelihara dan memulihara seni kraftangan tanah air tidak wujud pada ketika itu. Namun pada hari ini usaha-usaha proaktif untuk menghidupkan semula sejarah warisan Tuku boleh ditingkatkan dan ia boleh dicapai melalui sokongan dan bantuan berterusan daripada pihak kerajaan dan agensi-agensi swasta yang mempunyai peranan dan kepentingan terhadap industri kraftangan tradisional. Misalnya, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia boleh menawarkan latihan, promosi dan membuka pasaran baru bagi Tuku supaya kesenian dan keunikan tembikar ini dapat ditonjolkan kepada peminat, pembeli atau pengumpul barang tembikar tradisional di peringkat tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, penawaran insentif kewangan dan modal yang berterusan juga mampu memberi suntikan baharu kepada pembuat tembikar sedia ada, malah akan menarik dan menggalakkan lagi ramai golongan belia untuk menceburi bidang kraftangan tembikar tradisional di Kampung Mambong. Cadangan yang diusulkan oleh Azmi (2015) bagi pemerkasaan warisan tembikar tradisional Labu Sayong boleh digunakan dalam konteks pembangunan industri tembikar Mambong supaya tradisi dan nilai estetika Tuku terus terpelihara, dikenali ramai serta kekal sebagai satu identiti warisan seni kraf yang unik dalam masyarakat Melayu bukan sahaja di Kelantan bahkan bagi seluruh Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan menggunakan Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (USM) (304/PARKEO/6315205). Pihak penulis ingin

merakamkan terima kasih kepada USM dan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Shuaib and Enoch, O.F. 2013. The Art of Kelantan Traditional Pottery: The Limitations and Way Forward (sub-theme:17). Proceedings of the 4th Social Development and Environmental Studies International Conference 2013. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Aziz Shuaib, Enoch, O.F., Khairul Azhar Mat Daud, Muhamad Ezran Zainal Abdullah and Jafrulhizam Jaafar. 2014. Aesthetic Appreciation of Kelantan Heritage Ceramics: An Indicator for Sustainability. *Arts and Design Studies* 18: 1-10.
- Adi Taha. 1985. The re-excavation of the rockshelter of Gua Cha, Ulu Kelantan, West Malaysia. *Federation Museums Journal* 30 (New Series): 1-134.
- _____. 2007. *Archaeology of Ulu Kelantan*. Kuala Lumpur: Department of Museums Malaysia.
- Karina Arifin. 1990. Social aspects of pottery manufacture in Boera, Papua New Guinea. Paper presented at 14th Congress of Indo-Pacific Prehistoric Association, Yogjakarta, Indonesia.
- Ahmad, K. and Mohamed J.J. 2016. Product Comparison between Local Product and Technology Aided Mambong Pottery. *Journal of Tropical Resources and Sustainable Science* 4: 72-74.
- Azmi Arifin. 2015. Traditional Malay Pottery of Kuala Kangsar: Its History and Development. *Kajian Malaysia* 33(2): 113-133.
- Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman and Tarmiji Mason. 2010. Warisan Tembikar Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak: Sejarah, Perkembangan dan Masa Depan. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(2): 131-154.
- Bellwood, P. 1988. *Archaeological Research In Southeastern Sabah*. (Sabah Museum Monograph 2). Kota Kinabalu: Sabah Museum Department.
- _____. 1989. Archaeological investigations at Bukit Tengkorak and Segarong, southeastern Sabah. *Bulletin of Indo-Pacific Prehistory Association* 9: 122-162.
- Chia, S. 1997. Prehistoric Pottery Sources and Technology in Peninsular Malaysia based on Compositional and Morphological Studies. *Monograph of Malaysia Museums Journal* 33 (New Series). Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquity Malaysia.
- _____. 2003. *The Prehistory of Bukit Tengkorak as a Major Pottery Making site in Southeast Asia*. (Sabah Museum Monograph 8). Kota Kinabalu: Sabah Museum Department.
- _____. 2007a. Scientific Studies of Prehistoric Pottery in Malaysia. In *Archaeological Heritage of Malaysia*, eds. M. Saidin and S. Chia, 81-95. Penang: Centre for Archaeological Research Malaysia, USM.
- _____. 2007b. Kebudayaan Neolitik di Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 20: 1-13.

- _____. 2016. *Arkeologi Bukit Tengkorak, Sabah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Chia, S. and Datan, I. 2003. Preliminary Report on Archaeological Surveys and Excavations at Bukit Sarang Caves, Ulu Kakus, Sarawak. *Sarawak Museum Journal* 58(79): 121-140.
- Chia, S. and Zolkurnian Hasan. 2005. Gua Harimau, A Prehistoric Cemetery in Lenggong, Perak. In *The Perak Man and Other Prehistoric Skeletons of Malaysia*, ed. Z. Majid, 363-383. Penang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Chia, S., Arif, J. and Matsumura, H. 2005. The dental characteristics of prehistoric human teeth from Melanta Tutup, Semporna, Sabah. In *The Perak Man and Other Prehistoric Skeletons of Malaysia*, ed. Z. Majid, 239-251. Penang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Datan, I. 1993. Archaeological Excavations at Gua Sireh (Serian) and Lubang Angin (Gunung Mulu National Park), Sarawak, Malaysia. *Sarawak Museum Journal* 45(66). (Special Monograph No.6). Kuching: Sarawak Museum Department.
- Department of Information, Ministry of Communications and Multimedia, Malaysia 2015. *Population by States and Ethnic Group* (Accessed 24 May 2015).
- Dunn, F.L. 1966. Radiocarbon dating in Malayan Neolithic. *Proceedings of the Prehistoric Society* 32: 352-353.
- Enoch, O.F. 2012. The Act of Mass Production in Kelantan Traditional Pottery, Malaysia. *Arts and Design Studies* 3: 18-25.
- Gani, N.A., Shamsuddin, M.S., Koo, W.K., Masri, M.N. and Sulaiman, M.A. 2015. Chemical Composition of Clays for Pottery in Malaysia: A Review. *Journal of Tropical Resources and Sustainable Science* 3: 144-153.
- Goh, H.M., Shaiful Shahidan, Mokhtar Saidin, Curnoe, D., Mendoza, R., Adler, L., Saw, C.Y., Eng, K.K., Velat Bujeng, Suresh Narayanan and Jeffrey Abdullah. 2019. *Revisiting the 3000-year-old Neolithic burial ground of Gua Harimau, West Malaysia*. *Archaeological Research in Asia* 18: 120-129.
- Gullick, J.M. 1994. *Old Kuala Lumpur*. New York: Oxford University Press.
- Hamdzun Haron and Narimah Abdul Mutalib. 2013. Technology and Production Process of Malay Traditional Heritage Pottery in Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)* 64(1): 81-88.
- Harrison, B. 1967. A classification of Stone Age Burials from Niah Great Cave. *Sarawak Museum Journal* 15(30-31): 126-200.
- Harrison, T. 1971. Prehistoric Double-spouted Vessels Excavated from Niah Caves, Borneo. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society* 44(2): 35-78
- Ibrahim Darus and Sahaimi Abdul Manaf. 2005. *Tembikar Tradisional*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Ismail Muhamad. 2014. Warisan Tuk Bara. *Harian Metro*. <https://www.klik.com.my/item/document/11090163/hm--sat-05-2014-main-section-240181-a-sabah> (Accessed 24 May 2014).
- Leong, S.H. 2003. Tripod Pottery in Mainland Southeast Asia. In *Earthenware in Southeast Asia*, ed. J. Miksic, 173-186. Singapore: Singapore University Press.
- Mohd. Ashraf Syafiq Mazlan. 2014. Tembikar Mambong Gamit Pelancong Ke Kuala Krai. *Utusan Borneo*. <http://www.utusanborneo.com.my/2014/09/02/tembikar-mambong-gamit-pelancong-ke-kuala-krai> (Accessed 2 September 2014).

- Muhamad Hazwan Bakhri. 2017. Potensi Pasaran Industri Tembikar Mambong di Kuala Krai, Kelantan. <https://prezi.com/3j2kkxr7lqo/potensi-pasaran-industri-kraftangan-tembikar-mambong-di-kual/>. (Accessed 1 May 2018).
- Namri Sidek. 2019. Sejarah Banjir Besar Tahun 1926 di Tanah Melayu. <https://iluminasi.com/bm/sejarah-banjir-besar-tahun-1926-di-tanah-melayu.html>. (Accessed 1 January 2020).
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Mohd Kamaruzaman Abdul Rahman and Mohd Yusof Abdullah. 1990. Tapak Prasejarah Gua Ta'at, Hulu Terengganu ($8,920 \pm 120$ BP hingga $2,630 \pm 80$ BP). *Jurnal Arkeologi Malaysia* 3: 1-14.
- Noor Syamimi Ishak, Azharudin Mohamed Dali and Mohamad Rodzi Abdul Razak. 2014. Sejarah Banjir Besar di Semenanjung Malaysia, 1926-1971. *Jurnal Perspektif* 6(3): 54-67.
- Peacock, B.A.V. 1959. A short description of Malayan prehistoric pottery. *Asian Perspectives* 3: 121-156.
- Salleh Mohd Akib. 2016. *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Salwa Ayob. 2009. Malay Traditional Pottery Typology. In *Proceedings of the International Seminar on Sharing Our Archaeological Heritage*, eds. M. Saidin and K. Abdul Razak, 195-202. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Siti Mariam Mat Nor. 2015. Reka Bentuk dan Ragam Hias Tembikar Mambong: Satu Perbandingan Lama dan Baru. MA diss., Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.
- Suresh Narayanan. 2011. The Past and Present Pottery in Semporna, Sabah. MA diss., Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- _____. 2014. Lun Bawang and Kelabit Potteries of Sarawak. *Sarawak Museum Journal* 94 (New Series): 25-40.
- _____. 2017. Past and Present Pottery Making Traditions in Malaysia: An Ethnoarchaeological Perspective. PhD diss., Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- _____. 2018. Warisan Tembikar Tradisional di Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang: Isu dan Cabaran. In *Etnoarkeologi di Malaysia: Cerminan Budaya Material Masyarakat Peribumi*, eds. Hamid Mohd Isa, Nasha Rodziadi Khaw and Nazarudin Zainun, 61-71. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- _____. 2019. Tembikar Dapur Masak Tradisional di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu: Isu, Persoalan dan Cadangan. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 32(2): 1-12.
- Suresh Narayanan and Chia, S. 2016. Etnografi Tembikar Tradisional di Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang: Teknologi, Sejarah dan Asal Usul. In *Prosiding Seminar Etnoarkeologi: Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli*, eds. Hamid Mohd. Isa, Nasha Rodziadi Khaw, Jeffrey Abdullah and Samsol Sahar, 90-107. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia and Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- _____. 2017. Tembikar Tradisional di Perak, Kelantan dan Pahang: Satu Kajian Perbandingan Dari Segi Teknologi, Jenis dan Fungsi. Paper presented at Seminar Arkeologi Kebangsaan Ke-3. Kompleks Eureka, Universiti Sains Malaysia. 12-13 Julai.

- Syed Ahmad Jamal. 1992. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Shuhaimi Said. 2007. Estetika Tembikar Tradisi Mambong, Kelantan. PhD diss., Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Tajul Shuhaimi Said, Harozila Ramli and Mohd. Fauzi Sedon. 2011. Local Genius of Mambong Pottery in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science* 1(21) (Special Issue): 147-155.
- Williams-Hunt, P.D.R. 1952. Archaeological discoveries in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 25(1): 181-190.
- Yeoh, J.L. 1994. Earth. In *The Craft of Malaysia*, ed. S. Bhanu. Singapore: Editions Didier Millet.
- Zolkurnian Hasan. 1998. Urutan Kebudayaan Prasejarah Lembah Lenggong, Hulu Perak, Perak Pada Zaman Holosen. MA diss., Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Zuraina Majid, Ang, B.H. and Jaffrie Ignatius. 1998. Late Pleistocene Sites in Pahang: Excavations of Gua Sagu and Gua Tenggek. In *Malaysia Museums Journal* 34 (New Series), ed. Z. Majid, 65-115. (Special Issue: Archaeological Research and Museums in Malaysia). Kuala Lumpur: Department of Museums and Antiquities Malaysia.

SUMBER LISAN

Che Bunga binti Awang, 82 tahun (lahir tahun 1937 seperti dalam kad pengenalan, namun tahun lahir sebenar adalah pada tahun 1927), bekas pembuat Tuku di Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan, komunikasi peribadi 1 Mac 2019.